

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN
UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : ES07380004
Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan
Tarikh : 22 Julai 2022
Tajuk : **Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Terhadap Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Kejin Long Lama - LPF 0017 Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC MTCS**

SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pemantauan untuk pensijilan pengurusan hutan di FPMU Kejin Long Lama (LPF 0017) yang diuruskan oleh Shin Yang Forestry Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FPMU Kejin Long Lama (LPF 0017) menurut standard *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*, berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesalinan standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) www.mtcc.com.my. Audit pemantauan ini akan dijalankan pada 23 – 25 Ogos 2022.

Maklumat FPMU Kejin Long Lama adalah seperti berikut:

Lokasi	Daerah Marudi, Miri, Sarawak
Saiz FMU	28,093.35 ha
Jenis Hutan	Hutan Perladangan
Spesies Utama	<i>Paraserianthes falcataria</i> and <i>Acacia mangium</i>
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	<i>Sustainable Forest Management (SFM)</i>

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FPMU tersebut adalah;

- 1) Khairul Najwan Ahmad Jahari – *Lead Auditor*
- 2) Azrul Ikhsan Bin Mohamed – *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FPMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FPMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FPMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FPMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPQ 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;
8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkasan kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FPMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FPMU Kejin Long Lama berpandukan *MC&I SFM*. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FPMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di www.sirim-qas.com.my. atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif mahupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa audit dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

No. Tel : 03-5544 6448

No. Faks : 03-5544 6763

Email: kamini@sirim.my

SLIP JAWAPAN

Tarikh :

Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
Bangunan 4, Kompleks SIRIM
No.1, Persiaran Dato' Menteri
40700 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p: **KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY**)

No. Faks: 03-5544 6763

Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Untuk Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Kejin Long Lama (LPF 0017)

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap FPMU Kejin Long Lama (LPF 0017) untuk ditentusahkan oleh kumpulan juruaudit yang ditugaskan semasa audit pemantauan kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FPMU Kejin Long Lama (LPF 0017).

Nama : _____

Jawatan : _____

Organisasi : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____